



# Kekasih tak disukai sahabat

## Rakan baik marah teman lelaki tak berduit selalu pinjam wang

### Soalan:

**S**AYA berumur 19 tahun dan sakit hati dengan kawan (A) yang sama jurusan. Pada pendapat saya, dia seorang yang penyibuk kerana suka hendak tahu mengenai hubungan saya dengan teman lelaki. Apabila saya beritahu A mengenai teman lelaki, dia tidak mahu percaya hingga bertemu dengannya.

Dengan kata lain, A bersungguh-sungguh mahu bertemu teman lelaki meskipun saya sudah menerangkan kepadanya. Saya kini menyampah, namun juga buntu kerana A tidak mahu percaya dan asyik menyibuk. Dia pernah katakan tidak bersejua dengan hubungan saya dan teman lelaki kerana beranggapan teman lelaki seorang yang selalu tidak berduit.

Saya akui sering memberi teman lelaki duit tapi ia tidak menjadi beban pada saya. Sebaliknya, keadaan ini menyebabkan A rasa tidak puas hati kerana dia merasakan saya dipergunakan. A takut saya ditipu teman lelaki.

Sejak akhir-akhir ini, A juga semakin suka bercakap belakang hingga saya sakit hati. A kata dia melakukannya kerana mahu menjaga hati saya.

Apakah saya harus saya lakukan? Adakah saya perlu meneruskan persahabatan kami atau sebaliknya.

Untuk pengetahuan, saya mengenali teman lelaki melalui Internet dan hingga kini kami tidak lagi pernah bertemu. Hanya pada September ini baru kami bertemu. Walaupun begitu, saya dan teman lelaki sudah membuat perancangan berkahwin pada tahun depan. Saya percaya pada kata-katanya.

**RUNSING,  
Perlis**

**Sahabat yang baik adalah lebih baik daripada seorang kekasih yang tidak jujur. Ini kerana persahabatan yang unggul lebih baik daripada percintaan. Tanpa persahabatan, percintaan akan berakhir tetapi tanpa percintaan, persahabatan boleh kekal.**

### Jawapan:

**S**EBELUM adik mengambil keputusan sama ada hendak meneruskan persahabatan dengan A atau tidak, adik perlu membuat senarai semak iaitu melihat baik buruknya kewujudan A dalam hidup adik. Ini kerana orang yang rugi ialah orang yang tidak memperoleh sahabat dan yang paling rugi ialah orang yang ditinggalkan sahabat.

Dr melihat kerisauan A ada asasnya. Sebagai seorang yang mengambil berat terhadap sahabatnya, dia memang tidak mahu melihat kawannya ditipu. Dilihat dari sudut persahabatan, ia adalah satu perkara yang baik. Tentunya adik tidak mahu mempunyai sahabat yang hanya tahu memuji tanpa cuba melihat realiti sebenar perhubungan adik dengan teman lelaki. Hamka pernah berpesan "orang yang sengaja menyorokkan kebenaran adalah orang yang lemah." Dalam konteks persahabatan adik dengan A, dia berani untuk meluahkan kerisauannya. Mengenai sikap teman lelaki yang selalu meminjam

wang, adik perlu berhati-hati dengan tabiat ini. Adik perlu melihat sikap suka meminjam ini dari perspektif yang lebih luas. Adakah ia disebabkan masalah kewangan sebenar atau sikap teman lelaki yang suka mengambil peluang daripada kebaikan adik.

Adik perlu mengetahui perkara sebenar kerana ia akan terus mencorak pola perhubungan adik dengan kekasih. Kerap meminjam wang bukanlah satu tingkah laku seorang kekasih yang baik.

Mengenai sikap A yang suka cakap belakang, sebaiknya adik berbincang dengannya mengenai sikap buruk ini. Jelaskan perasaan tersinggung adik dengan perbuatannya itu. Dr yakin adik boleh membuat keputusan terbaik dalam meleraikan masalah dengan A. Begitu juga dengan perhubungan adik dengan teman lelaki. Apapun, sebelum sebarang keputusan diambil, segala baik buruk sesuatu keputusan perlu dikaji. Pilihlah jalan yang memberi lebih banyak kebaikan dengan mengorbankan hanya sedikit kesedihan.

Sahabat yang baik adalah lebih baik daripada seorang kekasih yang tidak jujur. Ini kerana persahabatan yang unggul lebih baik daripada percintaan. Tanpa persahabatan, percintaan akan berakhir tetapi tanpa percintaan, persahabatan boleh kekal. Oleh itu hargailah persahabatan yang terjalin. Persahabatan yang sejati akan membawa kerinduan yang abadi.